

*Tema PMPT Untuk Tahun 2014:*

KERASULAN :

**DIPANGGIL, DIPILIH, DIUTUS**

Bulan	Tema Bulan	Kitab Suci
Jan	Dipanggil oleh Tuhan	Mat 9: 9-13
Feb	Dipanggil Secara Peribadi	Mrk 3: 13-19
Mac	Dipanggil Mengeratkan Perhubungan	Yoh 10: 14-15, 27-28
Apr	Dipanggil Memulakan Hidup Baru	Yoh 3: 1-7
Mei	Dipilih Secara Peribadi dari Khalayak Ramai	Yoh 1: 35-42
Jun	Dipilih Untuk Berkuasa	Yoh 14: 23-26
Jul	Dipilih Untuk Menerima Firman Tuhan	Mrk 4: 3-10, 14-20
Ogs	Dipilih Untuk Memuliakan Tuhan	Luk 1: 46-55
Sept	Diutus Untuk Mengasihi	Luk 10: 25-37
Okt	Diutus Untuk Berdialog	Mat 7: 21-27
Nov	Diutus Untuk Menjadi Saksi	Mat 5: 13-16
Dis	Diutus Mewartakan Firman Tuhan	Yoh 14: 6-11

Tema Kerasulan dikekalkan supaya kesinambungan proses yang telah bermula dengan PMPC 3 berterusan. Rasional di sebalik Tema ini adalah untuk mengarahkan tumpuan kita kepada perjalanan para rasul yang dipilih sendiri oleh Yesus. Perjalanan ini bermula dengan menjadi pengikut dan berakhir sebagai rasul. Kesemua 12 rasul yang telah dipilih oleh Yesus adalah orang biasa yang telah terlibat dalam kerjaya masing-masing. Yesus memanggil mereka walaupun mereka ada ketidak sempurnaan peribadi, kerana Dia melihat potensi yang terpendam di dalam diri mereka dan juga kerana mereka sendiri sedang mencari makna yang lebih jelas dalam kehidupan mereka. Ini mungkin sebab mengapa mereka bertindak balas secara spontan dan mengikuti-Nya apabila Yesus menjemput mereka. Walau bagaimanapun, perubahan peribadi dari menjadi seorang pengikut (Yunani : *mathetes* = seorang pelajar/murid ) kepada tahap menjadi seorang rasul (Yunani : *Apostolos* = yang diutus) ditandakan oleh tiga detik penting: panggilan dari Tuhan, dipilih secara peribadi dari khalayak ramai dan diutus untuk mewartakan firman Tuhan.

Secara am teks Kitab Suci yang akan menjadi tumpuan utama untuk tahun 2014 adalah Lukas 10:1 – *Kemudian Yesus memilih tujuh puluh dua orang pengikut pula. Dia mengutus mereka berdua-dua, dan pergi mendahului Dia ke tiap-tiap kota dan tempat yang akan dikunjungi-Nya.*

Tumpuan tahun ini adalah membantu komuniti kita memahami bahawa amalan iman harus menggerakkan kita untuk mempengaruhi hidup orang lain: “*Jangkauan sebagai Penginjil adalah tanda jelas kematangan sesebuah komuniti Eklesia*” (Benediktus XVI, Verbum Domini, 95). Setiap komuniti boleh dianggap sudah “matang ” apabila ia menghayati keimanannya, merayakan liturgi dengan penuh keriangan, melakukan kerja-kerja amal, mewartakan Firman Tuhan tanpa batasan, membuka peluang untuk para beriman mewartakan injil di kawasan “pinggir bandar”, terutamanya kepada mereka yang belum berpeluang mengenal

*Kristus. Kekuatan iman kita, pada peringkat peribadi dan komuniti, boleh diukur berdasarkan keupayaan kita untuk mewartakannya kepada orang lain, keberkesanan cara kita menyebarkan iman dan hidup sambil beramal, serta menjadi saksi kepada orang-orang yang kita bertemu yang berkongsi jalan kehidupan mereka dengan kita. (Paus Fransiskus, Pesanan untuk Hari Minggu Misi Dunia 2013).*

Tema-Keseluruhan akan memberi tumpuan kepada setiap dimensi Kerasulan selama empat bulan sepanjang tahun iaitu: **Dipanggil** (Januari - April), **Dipilih** (Mei - Ogos), **Diutus** (September - Disember). Pada setiap bulan, dimensi-dimensi Kerasulan akan dibahagikan bagi membantu komuniti kita untuk merenung dan memahami tumpuan tema tersebut dengan lebih jelas.

Setiap satu daripada dimensi Kerasulan akan memberi tumpuan kepada satu aspek perjalanan di mana seseorang berubah dari tahap pengikut sehingga menjadi seorang rasul. **PANGGILAN** tersebut akan memberi tumpuan kepada inisiatif Tuhan yang menjemput kita melibatkan diri dalam perjalanan menuju tahap Kerasulan. Panggilan tersebut bukan berdasarkan kelayakan kita tetapi ia semata-mata kerana kemurahan hati Tuhan yang menjemput kita menjadi sebahagian dari pelan-Nya. Mereka yang **DIPILIH**, perlu menumpukan perhatian kepada hakikat bahawa di kalangan ramai orang yang dipanggil, hanya sedikit yang dipilih dan “mereka yang terpilih” dipanggil untuk mengikuti-Nya dan belajar daripada-Nya. Sementara mereka yang **DIUTUS** akan memberi tumpuan kepada hakikat bahawa kita telah dipanggil dan dipilih untuk satu sebab yang mudah, iaitu kita diutus dalam sebuah misi – Misi Yesus Kristus.

Kita perlu mengingatkan diri bahawa misi yang diamanahkan kepada kita oleh Yesus adalah hasil perkembangan hubungan kita dengan-Nya. Kegiatan Penginjilan bukan aktivisme tetapi sebuah tindak balas cinta kasih inisiatif panggilan Tuhan. Pendek kata, apabila kita bersama Yesus tindak balas tersebut mengalir demi memuliakan Tuhan.

## Jawatankuasa Utama PMPT

1 November 2013

